

Malaysia, Arab Saudi diharap perkukuh lagi hubungan, perpaduan

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan harapan Malaysia dan Arab Saudi mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan perpaduan ummah.

Seri Paduka menzahirkan harapan itu pada Majlis Jamuan Teh Petang yang dianjurkan Putera Mahkota dan Perdana Menteri Arab Saudi, Putera Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al Saud di Mina, kelmarin.

Turut berangkat, Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah.

"Pada majlis yang berlangsung selama satu jam itu, Seri

Paduka Baginda telah berkenan bertukar-tukar pandangan bersama Yang Amat Mulia Putera Mohammed dalam pelbagai perkara, termasuk hubungan dua hala yang telah terjalin dengan erat dan secara istimewa antara Malaysia dan Arab Saudi," menurut catatan di Facebook Istana Negara semalam.

Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Putera Mohammed atas persiapan rapi dan kejayaan kerajaan Arab Saudi menerima dua juta jemaah bagi musim haji tahun ini, iaitu jumlah terbesar semenjak COVID-19.

Pertemuan itu juga adalah manifestasi hubungan akrab antara kedua-dua negara. BERNAMA



Al-Sultan Abdullah bersama Putera Mohammed bin Salman pada Majlis Jamuan Teh Petang di Mina, semalam. (Foto ihsan Facebook Istana Negara)